

BAB 4

Pengenalan tentang Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur.

4.0 PENDAHULUAN

Pusat Pembangunan Keluarga Islam atau lebih dikenali dengan singkatan PPKI telah diwujudkan sebagai satu unit yang berfungsi menjalankan perkhidmatan kekeluargaan Islam. Penubuhan PPKI, Bandar Baru Sentul telah berjaya direalisasikan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan berkat usaha beberapa individu tertentu. Akhirnya, tertubuhlah PPKI, Bandar Baru Sentul yang menawarkan perkhidmatan kekeluargaan Islam di Wilayah Persekutuan terutamanya bagi penduduk setempat.

Penubuhan PPKI ini adalah merupakan salah satu usaha kerajaan ke arah merangsang pembangunan institusi keluarga Islam bagi menghadapi cabaran alaf baru yang akan datang. Dewasa ini kita dapati terlalu banyak kes-kes perceraian yang berlaku dan tidak ketinggalan juga krisis rumah tangga yang boleh menggugat kedudukan sesuatu ikatan suci yang telah dibina. Di samping itu, masalah sosial pada hari ini telah menjadi isu nasional yang sangat membimbangkan. Lebih menyedihkan lagi kes-kes yang menghujani masyarakat sekarang samada kes-kes perceraian atau masalah-masalah sosial banyak melibatkan masyarakat Melayu yang beragama Islam.

Justeru, pihak kerajaan merasakan bahawa pendekatan agama merupakan cara yang berkesan untuk menangani masalah-masalah seumpama ini. Maka, dua program jangka panjang telah dicadangkan iaitu Program Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Program Pembangunan Sosial (PPS). Terlalu tinggi harapan kerajaan agar kedua-dua program ini dapat mengurangkan peratus perceraian dan gejala sosial yang menimpa masyarakat sekarang. Alhamdulillah, dengan penubuhan pusat ini berbagai langkah yang konstruktif dan strategi baru yang lebih berkesan dapat disalurkan kepada masyarakat Islam untuk dimanfaatkan. Semoga usaha murni yang dilakukan ini mendapat keredhaan dan restu Ilahi di samping kerjasama yang baik dari pihak-pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung.

4.1 LATAR BELAKANG PENUBUHAN.¹⁴⁹

Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah mula beroperasi pada 17 hb Julai 1999. Ia diletakkan di aras bawah, Bangunan Masjid Amru al-As, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Walaupun ia belum ditempatkan di bangunan khas untuk menjalankan perkhidmatannya tetapi PPKI ini tetap beroperasi dengan baik dan menawarkan sebaik-baik layanan dan perkhidmatan kepada masyarakat setempat khususnya sekitar Wilayah Persekutuan.

Majlis pelancaran Program Pembangunan Keluarga Islam dan perasmian

¹⁴⁹ Encik Suhaili bin Mustapa, Penolong Pengarah Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, 19 November 2001.

Pusat Pembangunan Keluarga Islam telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Brig. Jen.(B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 3 hb. September 1999. Majlis tersebut telah diadakan di Dewan Masjid Amru al- As dan juga dihadiri oleh penduduk setempat. Tujuannya adalah untuk memperkenalkan PPKI dan menyatakan peranannya dalam mengatasi masalah kekeluargaan penduduk setempat dan juga sekitar Wilayah Persekutuan.

Semasa awal penubuhan, Pusat Pembangunan Keluarga Islam terletak di bawah Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kemudiannya ia telah ditukar dan diletakkan di bawah Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah bermula pada 1hb Ogos 2000. Ini adalah disebabkan oleh PPKI sendiri yang menawarkan khidmat nasihat kekeluargaan dan sesuai diletakkan di bawah Unit Perunding & Pembangunan Keluarga. Tambahan pula kesemua negeri selain Wilayah Persekutuan telah meletakkan PPKI di bawah Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah. Bahagian Pentadbiran Undang-undang Syariah mengandungi dua unit iaitu pertamanya Unit Nikah, Cerai & Rujuk dan keduanya Unit Perunding & Pembangunan Keluarga. Seterusnya dua program diwujudkan di bawah unit Perunding & Pembangunan Keluarga iaitu Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Pusat Khidmat Sosial (PKS).

Program Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Program Pembangunan Sosial (PPS) agak berbeza dengan program dakwah semasa. Program Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Program Pembangunan Sosial (PPS) adalah berorientasikan penyelesaian masalah gejala sosial secara jangka

panjang. Manakala metodologi pelaksanaannya adalah berpusat, bersemuka dan berterusan. Program Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Program Pembangunan Sosial (PPS) juga bertindak sebagai pelengkap kepada program dakwah semasa yang lebih tertumpu kepada metod kuliah, ceramah, kursus, seminar dan bengkel.

4.2 OBJEKTIF PENUBUHAN PUSAT PEMBANGUNAN KELUARGA ISLAM.

Penubuhan Pusat Pembangunan Keluarga Islam adalah satu usaha murni Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan beberapa matlamat atau objektif telah digariskan iaitu:-¹⁵⁰

4.2.1) Menyediakan perkhidmatan hal ehwal keluarga.

Pusat Pembangunan Keluarga Islam menyediakan beberapa perkhidmatan yang berkaitan dengan hal ehwal kekeluargaan. Ia merangkumi hal ehwal sebelum membina rumah tangga iaitu bermula dari mencari jodoh, pra perkahwinan seterusnya yang berkaitan dengan kehidupan selepas berumah tangga iaitu kehamilan dan kelahiran serta pendidikan kanak-kanak. Selain daripada itu juga ditawarkan perkhidmatan keluarga bermasalah iaitu pihak PPKI cuba membantu masyarakat dalam menyelesaikan krisis yang berlaku di dalam rumah tangga.

¹⁵⁰ Puan Azizah bt. Haji Wahab, Penolong Penyelia, Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, 24 Disember 2001; Lihat juga Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.islam.gov.my/kesuma/objektifpki.html>, 2 Mei 2002.

PPKI berusaha menerapkan panduan-panduan yang dianjurkan oleh Islam dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan.

4.2.2) Merancang aktiviti dan program ke arah memperkukuhkan peranan institusi keluarga Islam bagi menghadapi alaf baru.

Selain daripada itu pihak PPKI sentiasa berbincang dan merancang aktiviti-aktiviti dan program yang berkaitan dengan hal ehwal kekeluargaan. Beberapa kertas kerja dan modul-modul yang berkaitan akan dihasilkan sebagai panduan pihak yang terlibat di dalam program-program yang dianjurkan. Program-program yang bermanfaat akan diatur dengan sesempurna mungkin dalam usaha memperkukuhkan peranan institusi keluarga Islam yang tidak sepatutnya dipandang remeh. Seterusnya mempersiapkan sesebuah institusi kekeluargaan bagi menghadapi alaf baru yang serba mencabar, agar kedudukan sesebuah keluarga tetap teguh dan kukuh dalam penuh kebahagiaan serta keredhaan Allah S.W.T.

4.2.3) Menjalankan aktiviti yang berkaitan hal ehwal kekeluargaan kepada masyarakat Islam.

Setelah melalui perancangan yang baik dan sempurna, kemudian disusuli pula dengan pelaksanaan yang diiringi dengan usaha yang segigih mungkin. Matlamatnya untuk menabur seberapa banyak maklumat dan ilmu pengetahuan tentang hal ehwal kekeluargaan Islam untuk dimanfaatkan oleh masyarakat Islam. Selain daripada itu, membantu masyarakat Islam membina institusi keluarga yang

berjaya di dunia dan akhirat, Insya' Allah. Program-program yang dijalankan adalah berupa khidmat nasihat (kaunseling keluarga), seminar, kursus, bengkel, lawatan dan tinjauan ke rumah dan lain-lain lagi.

4.2.4) Membantu menangani masalah kepincangan institusi kekeluargaan Islam masa kini.


Di antara lainnya, penubuhan Pusat Pembangunan Keluarga Islam bertujuan untuk membantu masyarakat dalam menyelesaikan masalah atau krisis yang berlaku di dalam rumah tangga. PPKI akan cuba membantu individu yang memerlukan nasihat atau pertolongan agar keutuhan sesebuah institusi keluarga dapat ditegakkan semula dan secara tidak langsung dapat menyelamatkan institusi keluarga tersebut dari terus roboh. Walau bagaimanapun bagi kes-kes yang mencapai tahap yang meruncing dan tidak dapat diselesaikan oleh pihak PPKI, maka kes tersebut akan dirujuk kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) peringkat pusat.

4.3 CARTA ORGANISASI (PERINGKAT PUSAT).¹⁵¹



¹⁵¹ Puan Azizah bt. Haji Wahab, Penolong Penyelia, Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, 24 Disember 2001.

4.4 STRUKTUR ORGANISASI PUSAT PEMBANGUNAN KELUARGA ISLAM, BANDAR BARU SENTUL.¹⁵²



¹⁵² Puan Wan Ngah @ Fauziah bt. Wan Yahya, Penolong Penyelia, Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, 24 Disember 2001.

4.5 PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN OLEH PUSAT PEMBANGUNAN KELUARGA ISLAM (PPKI).¹⁵³

4.5.1) Perkhidmatan Pra Perkahwinan

Pembinaan institusi kekeluargaan adalah proses pertama kepada pembentukan masyarakat yang lebih besar. Sebagai institusi asas dalam masyarakat maka sistem kekeluargaan yang mantap, kukuh, bermoral dan beriman adalah penting ke arah melahirkan kestabilan masyarakat dan negara keseluruhannya. Dewasa ini, isu-isu keruntuhan akhlak seperti penderaan, pembuangan bayi dan penagihan dadah semakin meningkat. Maka menyedari hakikat ini, beberapa strategi untuk meningkatkan keprihatinan masyarakat kepada pembinaan dan pengukuhan institusi keluarga Islam melalui “Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam” sebagai alternatif untuk membangunkan keluarga Islam di Malaysia.

Melalui perkhidmatan ini, pihak PPKI akan mengadakan kursus bagi pasangan-pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga . Di dalam kursus tersebut, para peserta akan didedahkan dengan beberapa perkara penting. Pertamanya, asas pembinaan insan yang mengandungi perbincangan tentang akidah, ibadah, akhlak dan *munakahat*. Keduanya, prosedur undang-undang kekeluargaan yang mengandungi urusan dan peraturan berkaitan kekeluargaan Islam seperti nikah, cerai, nafkah, pembahagian harta dan penjagaan anak.

¹⁵³ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2001), “ Cadangan Melaksanakan Program Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Program Pembangunan Sosial (PPS) (Kertas Kerja Majlis Taklimat di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, 12 Februari 2001), h.7.

Ketiganya ialah kemahiran keibubapaan dan pengurusan rumah tangga. Ia memberi tumpuan terhadap aspek asas pengurusan keluarga yang merangkumi pengurusan persediaan sebelum berkahwin. Di antara lainnya pembicaraan tentang hubungan di antara pasangan suami isteri, pengurusan sumber keluarga, pengurusan konflik rumahtangga dan pengurusan persediaan pra keibubapaan.

4.5.2) Perkhidmatan Ibu Hamil.

Perkhidmatan ini memfokuskan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan persediaan bagi bakal-bakal ibu yang akan melahirkan bayi mereka. Di antara perkara yang ditumpukan melalui perkhidmatan ini ialah penerangan mengenai proses kehamilan, penjagaan semasa hamil, proses kelahiran dan proses selepas kelahiran. Ia juga menyediakan panduan dan kemahiran kepada ibu dan bapa dalam membuat persediaan bagi menyambut kelahiran bayi mereka. Diharapkan melalui perkhidmatan ini dapat mewujudkan kesedaran betapa perlunya persediaan rapi bagi menyambut kelahiran bayi, di samping memberikan faedah dan panduan yang berguna kepada masyarakat Islam di negara ini

4.5.3) Perkhidmatan Kemahiran Keibubapaan.

Perkhidmatan ini mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan adab dan matlamat hubungan kelamin, pembinaan syakhshiah, kemahiran pendidikan, ibu bapa sebagai konsep *role model*, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran menangani konflik. Ia bertujuan untuk memberikan kesedaran bahawa ibu bapa adalah merupakan pendidik utama bagi anak-anak mereka. Oleh itu, ibu

bapa akan mencorakkan sistem pendidikan mereka bermula dari peringkat pra kelahiran sehinggalah awal remaja.

Besarliah harapannya agar perkhidmatan yang ditawarkan ini dapat membantu masyarakat terutamanya di kalangan ibu bapa dan menanamkan kesedaran tentang betapa perlunya kemahiran keibubapaan dalam melaksanakan cara dan kaedah pendidikan anak-anak yang menepati dengan kehendak Islam dan sekaligus akan mewujudkan sebuah institusi keluarga yang sejahtera dan bahagia.

4.5.4) Perkhidmatan Pendidikan Kanak-kanak.

Perkhidmatan ini menumpukan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pengasuhan bayi dan pendidikan kepada kanak-kanak. Kandungan di dalam pengasuhan bayi merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan amalan-amalan sunat semasa menyambut kelahiran, kaedah penyusuan bayi, sentiasa mengamalkan amalan baik atau sunat dan penyediaan sumber rezeki halal kepada keluarga. Manakala pendidikan kanak-kanak mengandungi hal-hal yang berkaitan dengan keadaan persekitaran dalam rumah dan taman asuhan kanak-kanak yang menepati dengan ajaran Islam. Di samping itu, memastikan ibu bapa dan pembantu atau pengasuh menjadi contoh teladan kepada bayi dan kanak-kanak.

4.5.5) Perkhidmatan Keluarga Bermasalah.

Perkhidmatan ini merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan di Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) di seluruh Malaysia. Islam

memandang serius tentang hal ehwal yang berkaitan dengan kekeluargaan, terutamanya mengenai perkara yang boleh menimbulkan masalah kepada ahli keluarga dan kaedah menyelesaikan masalah tersebut amat penting kerana ianya dapat memantapkan lagi keharmonian dan kerukunan dalam sesebuah institusi keluarga.

Justeru, perkhidmatan ini ditawarkan dan mengandungi beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah kekeluargaan. Ia merangkumi beberapa masalah suami isteri, masalah ibu bapa dengan anak-anak, masalah dengan anggota keluarga yang lain, masalah dengan jiran dan masyarakat serta panduan bagi membantu mereka yang bermasalah untuk merujuk kepada agensi yang berkaitan dalam menyelesaikan masalah mereka.

4.6 BENTUK PERKHIDMATAN PUSAT PEMBANGUNAN KELUARGA ISLAM (PPKI).¹⁵⁴

4.6.1) Kursus / Bengkel

Beberapa sesi kursus telah diadakan untuk penduduk setempat iaitu kepada bakal-bakal pengantin yang akan mendirikan rumah tangga. Kursus Pra perkahwinan tersebut telah diadakan di Dewan Masjid 'Amr al-'As dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk setempat.

¹⁵⁴ Puan Azizah bt. Haji Wahab, Penolong Penyelia, Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, 24 Disember 2001.

4.6.2) Bimbingan Berkelompok.

Khidmat nasihat ini diadakan secara berkumpulan iaitu keluarga yang bermasalah dipanggil dan setiap ahli keluarga diminta menyuarakan masalah dan ketidakpuasan hati masing-masing . Seterusnya pihak PPKI akan menyarankan tindakan yang sepatutnya diambil bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Selain daripada itu, cara ini juga dilakukan terhadap beberapa buah keluarga di dalam satu kumpulan. Setiap ahli kumpulan akan memberikan pendapat dan buah fikiran masing-masing tentang cara untuk menyelesaikan masalah ahli dalam kumpulan.

4.6.3) Rundingcara.

Perkhidmatan ini dilakukan dengan mengadakan beberapa sesi kaunseling bagi membincangkan masalah yang dihadapi oleh individu-individu tertentu. Beberapa temujanji akan dibuat terhadap individu yang terlibat di dalam sesuatu masalah dan punca masalah akan dikenalpasti. Seterusnya pegawai PPKI akan cuba menyelesaikan masalah tersebut dan sekiranya tidak dapat diselesaikan, kes tersebut akan dipanjangkan kepada pihak JAWI peringkat pusat.

4.6.4) Lawatan dan tinjauan ke rumah.

Beberapa orang pegawai PPKI akan membuat lawatan dan tinjauan ke rumah-rumah untuk mengenalpasti masalah-masalah masyarakat setempat. Satu borang khas disediakan untuk mendapatkan maklumat dari sesebuah keluarga.

Sekiranya didapati wujudnya sesuatu masalah di dalam sesebuah keluarga, individu yang terlibat akan diminta merujuk kepada PPKI. Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak mendapat sambutan kerana terdapat banyak masalah yang timbul dari penduduk setempat.

4.6.5) Khidmat Nasihat.

Pihak PPKI akan memberi panduan dan khidmat nasihat bertepatan dengan permintaan atau masalah yang diajukan oleh masyarakat. Kemudian masalah mereka akan disalurkan kepada pihak-pihak yang sepatutnya dirujuk. Selain daripada itu pihak PPKI juga akan memberikan kaedah-kaedah sampingan dalam menangani sesuatu masalah contohnya mengamalkan doa-doa tertentu.

4.6.6) Bantuan rujukan kepada agensi berkaitan.

Pihak PPKI juga akan membantu masyarakat untuk merujuk kepada agensi-agensi tertentu sesuai dengan masalah yang dihadapi oleh orang ramai. Contohnya sekiranya terdapat individu yang mengalami masalah kewangan, ia akan dibawa kepada Baitulmal. Dengan cara ini masalah yang diajukan akan dapat diselesaikan dengan lebih mudah.

Walaupun bagaimanapun kiranya terdapat masalah-masalah kronik yang tidak dapat diselesaikan oleh PPKI maka masalah tersebut akan dipanjangkan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk diambil tindakan selanjutnya.

4.7 KONSEP PUSAT PEMBANGUNAN KELUARGA ISLAM (PPKI).¹⁵⁵

4.7.1) Konsep umum

A) Berasaskan konsep bina insan, bermula dari alam rahim.

Pendidikan yang diperkenalkan oleh pihak PPKI bermula dari awal kehamilan sehinggalah bayi tersebut lahir ke dunia ini. Ini bertepatan dengan pendidikan anak-anak sepatutnya bermula dari alam rahim malah bermula dari tindakan awal perkahwinan iaitu mencari jodoh.

B) Pengajaran diberi kepada pasangan semenjak belum berkahwin.

Tujuannya adalah untuk menyedarkan bakal suami isteri tentang matlamat sebenar pembinaan rumah tangga menurut Islam. Seterusnya memahamkan mereka tentang tanggungjawab yang harus dipikul di samping menitikberatkan hal-ehwal yang berkaitan dengan pembinaan institusi kekeluargaan Islam.

C) Mendidik anak bermula dari dalam kandungan sehingga alam kanak-kanak.

Ia menekankan tentang pendidikan anak-anak yang bermula dari dalam kandungan dan menyedarkan tentang betapa pentingnya kemahiran keibubapaan dalam mendidik anak-anak. Akhirnya akan lahir anak-anak yang soleh yang

¹⁵⁵ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://islam.gov.my/kesuma/ppkipps.html>, 2 Mei 2002.

bakal meneraju negara mengikut acuan Islam dan juga menjamin kebahagiaan yang abadi di dunia dan akhirat.

D) Ajaran Islam dapat menjamin pembentukan keluarga bahagia dunia dan akhirat.

Terdapat banyak ajaran al-Qur'an yang menyentuh segenap aspek tentang pembinaan institusi keluarga. Sekiranya segala ajaran tersebut diamalkan sepenuhnya maka akan terhasillah keluarga yang bahagia di dunia dan akhirat dan sentiasa berada di dalam keredhaan Allah S.W.T serta berada di bawah lembayung rahmat-Nya.

4.7.2) Konsep berasaskan al-Qur'an dan al-Hadith.

Al-Qur'an

" (Ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan firman-Nya): " Bukankah Aku Tuhan kamu?" Mereka semua menjawab: Bahkan (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi." Yang demikian supaya kamu tidak beralih pada Hari Kiamat kelak. " Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini."

Terjemahan Sūrah al-A'rāf (7) :172.

Al-Hadith

Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

" Setiap anak dilahirkan atas fitrah (kesucian agama yang sesuai dengan naluri), maka kedua orang tuanyalah yang menjadikan dia beragama Yahudi, Nasrani atau Majusi ".¹⁵⁶

4.8 AKTIVITI/ PROGRAM YANG DIRANCANG.

- 4.8.1) Mempromosi PPKI supaya diketahui orang ramai tentang kewujudan dan fungsinya.
- 4.8.2) Melantik, menyusun dan menyelaras fasilitator bagi semua perkhidmatan.
- 4.8.3) Mengadakan bengkel/ kursus bagi semua perkhidmatan.
- 4.8.4) Mengumpul dan menyiapkan data/ maklumat anak kariah/ penduduk di Sentul.
- 4.8.5) Melaksanakan semua perkhidmatan yang disediakan.

Demikianlah serba sedikit pengenalan dan latar belakang penubuhan Pusat Pembangunan Keluarga Islam, Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Walaupun ia mula bertapak dengan serba kekurangan dan kakitangan yang terlalu sedikit tetapi ini tidak menghalang PPKI agar terus berkembang. Hasratnya begitu mulia dalam berusaha membantu masyarakat yang bermasalah. Malah menerapkan panduan-panduan yang amat berguna yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam dengan harapan akan terbinalah institusi keluarga yang bahagia, aman dan merealisasikan kehidupan berkeluarga menurut acuan yang ditetapkan oleh Islam.

¹⁵⁶ Muslim (1998), *op.cit.*, j. 16, Kitāb al-Qadr, Bāb Ma'na Kullu Mawlūd Yūlad 'Alā al-Fītrah, no hadith. 6697, h. 423